

Nasional

Darurat jerebu di Riau, Sumatera

306 pelajar Malaysia dibawa keluar

Wisma Putra dengan kerjasama NADMA ambil langkah segera

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seramai 306 pelajar Malaysia yang berada di Riau dan Jambi, Indonesia akan dibawa keluar selepas kawasan itu diisytiharkan darurat oleh kerajaan Indonesia akibat jerebu, kata Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

Daripada jumlah itu, 165 orang akan dibawa pulang ke Malaysia, manakala 141 akan dipindahkan ke Dewan Malaysia (Malaysia Hall) di Jakarta, berikutan urusan visa, kata agensi itu.

Ketua Penolong Pengarah Kanan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Farhan Sufyan Borhan, berkata Wisma Putra dengan kerjasama NADMA akan

bertindak sebagai penyelaras, bagi membolehkan usaha itu dapat diambil secepat mungkin menggunakan pesawat komersial.

"Kita rancang bawa pulang 165 pelajar berkenaan, 141 pelajar Malaysia lagi yang turut berada di daerah itu mempunyai masalah visa.

"Mereka akan dibawa ke Jakarta untuk diuruskan Jabatan Pendidikan Tinggi Malaysia," katanya kepada *BH* semalam.

Terdahulu, NADMA mengadakan mesyuarat bersama Wisma Putra dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), berhubung keperluan operasi membawa keluar pelajar Malaysia di beberapa daerah di Indonesia yang terkesan dengan jerebu.

BERNAMA yang memetik laporan media Indonesia melaporkan, Wilayah Riau diisytiharkan darurat pencemaran udara, berikutan Indeks Pencemaran Udara (IPU) mencecah melebihi 500.

Gabernor Riau, Syamsuar, menetapkan status darurat itu bermula semalam sehingga hujung bulan ini, bergantung kepada keadaan semasa.

Pengarah Pendidikan Malaysia

di Indonesia (EMI), Prof Madya Dr Mior Harris Mior Harun, dilaporkan berlepas ke Pekanbaru pagi ini, bagi mendapatkan maklumat tepat berhubung keadaan pelajar Malaysia di wilayah itu.

Pelajar Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim, Pekanbaru, sudah diarahkan bercuti sejak 13 September lalu. Terdapat seramai 214 pelajar Malaysia di universiti berkenaan.

Universitas Islam Negeri Sultan Thaha Saifuddin di Jambi, yang mempunyai 110 pelajar Malaysia juga dilaporkan sudah diarahkan bercuti. Difahamkan sejumlah pelajar sudah pulang sementara ke Malaysia.

Sementara itu di **Putrajaya**, Wisma Putra dalam kenyataan berkata, kerajaan membuat keputusan untuk melaksanakan proses pemindahan pelajar Malaysia dari Riau dan Jambi.

Kenyataan itu menyebut, proses pemindahan akan membabitkan pelajar menuntut di daerah yang sudah diisytiharkan Darurat Pencemaran Udara oleh kerajaan Indonesia bermula semalam hingga 31 Oktober.

Pada masa ini, ada kira-kira 300



Keadaan jerebu di Jambi semakin buruk sehingga langit kelihatan merah.

(Foto Ihsan PKPMI)

orang pelajar Malaysia di Provinsi Riau dan Jambi.

Wisma Putra berkata, proses pemindahan itu akan dilaksanakan secara bersama dengan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), serta agensi berkaitan termasuk Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Pendidikan.

Untuk itu, bilik operasi bagi memastikan kelancaran proses

pemindahan sudah diaktifkan, iaitu di Wisma Putra di sini, yang boleh dihubungi menerusi talian 03-8887 4570 / 03-8887 4770 atau e-mel ke opsroom@kln.gov.my.

Bilik operasi Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta pula boleh dihubungi di talian +6221-5224947 dan +62813-80813036 (whatsapp) atau e-mel ke mwjakarta@kln.gov.my atau jknsular@gmail.com.